

BOLEH DIMAKAN

■ Pegawai veterinar pantau
sembelih haiwan dijangkiti
'brusella abortus'

Hm 20/2/17

Mohd Amin Jali
am@hmetro.com.my

Seremban

Daging haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau yang dijangkiti penyakit berjangkit 'brusella abortus' boleh dimakan kecuali organ dalaman seperti hati dan limpa.

Ketua Pegawai Kesihatan Veterinar, Jabatan Veterinar Negeri Sembilan (JVNS) Dr Nur Azlina Che Zabani berkata, sebaliknya hanya kambing yang tidak boleh dimakan dan haiwan ini akan dihapuskan jika disahkan menghidap penyakit ini.

"Namun, soal boleh makan atau tidak, kami (JVNS) yang akan mengesahkan selepas

menjalankan ujian. Ini kerana haiwan yang didapati positif brusella abortus akan dibawa ke pusat sembelihan dengan pemantauan pegawai veterinar.

"Di sini, JVNS ingin memaklumkan jika kerbau atau lembu menghidap penyakit ini,

kita boleh makan dagingnya kecuali organ dalaman,"

katanya ketika mengulas langkah kerajaan negeri mewariskan brusella abortus mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 susulan tiga

haiwan ternakan di negeri ini dijangkiti penyakit berkenaan.

Dr Nur Azlina berkata, brusella abortus terkawal dan JVNS sentiasa memantau bagi memastikan ia tidak merebak dan mencapai tahap serius.

**“Boleh makan
dagingnya
kecuali organ
dalaman
Dr Nur Azlina Che Zabani**